

Misi Dr. M terima dua permohonan buka kilang

ROMBONGAN Galak Pelaburan Malaysia yang sedang melawat Amerika Syarikat telah menerima dua permohonan serta merta bagi penubuhan kilang usahasama dan akuan dari beberapa firma lain untuk memulakan operasi sebelum akhir tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang mengetuai rombongan itu berkata, beberapa permohonan telah juga diterima dari beberapa pihak bagi meluaskan kegiatan mereka di Malaysia.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu kedua-dua permohonan itu adalah untuk mengeluarkan alat-alat perubatan dan bot persiaran.

Berpendapat

Kira-kira 400 orang peserta telah mendaftarkan diri bagi seminar-seminar pelaburan yang dianjurkan oleh rombongan itu dan 50 orang dari mereka telah meminta untuk bertemu-soal dengan para pegawai kerajaan dan sektor swasta.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Saya berpendapat dalam jangka masa yang pendek sebelum akhir tahun ini, beberapa buah daripada firma-firma tersebut akan membuat langkah positif

SAN FRANCISCO, Khamis

untuk memulakan operasi mereka di Malaysia."

Menurutnya, lawatan tersebut sungguh berjaya dan hasilnya adalah lebih baik dari kunjungan yang serupa ke Eropah bulan April tahun ini.

Beliau puashati dengan penyertaan sektor swasta dalam rombongan itu dan menegaskan bahawa mereka akan turut serta dalam rombongan-rombongan galakan yang akan datang.

Sewaktu di Amerika, Datuk Seri Dr. Mahathir juga meneliti berbagai kemudahan dalam bidang perniagaan tani, teknik-teknik pertanian moden, tenaga matahari dan rancangan penghutanan semula.

Sebuah perbadanan kimia telah juga bersetuju untuk menyediakan kemudahan latihan kepada rakyat Malaysia.

Berfaedah

Dr. Nawawi Mat Awain yang menjadi jurucakap sektor swasta dan Ketua Perwakilan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia berkata, rombongan itu sungguh berfaedah tetapi berharap tindakan suulan dapat diambil bagi memperoleh kejayaan yang lebih besar.

Katanya, dua buah firma Amerika yang terlibat dalam pengeluaran berbagai jenis barang seperti barang-barang malnan, kertas dan perdagangan import-eksport akan menemui dewan tersebut bulan depan dan beberapa buah firma yang lain dijangka berbuat demikian sebelum akhir tahun ini.

Dr. Nawawi berkata cara berterus terang dan praktikal yang ditunjukkan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan dan sewaktu men-

jawab pertanyaan telah dihargai oleh para peserta Perbadanan Amerika yang "keras kepala".

Penyertaan sektor swasta telah juga dihargai oleh ahli perniagaan Amerika kerana ia membuka peluang kepada mereka membincang projek-projek berpotensi dan mendapatkan maklumat secara langsung.

Anggota-anggota sektor swasta yang lain berkata, penyertaan mereka telah menghasilkan "hubungan serta merta" dengan ahli-ahli perniagaan Amerika — keuntungan besar bagi firma-firma kecil dan Perbadanan Kemajuan Negeri yang tidak mempunyai sebarang hubungan dengan pihak sebarang laut.

Peserta-peserta lain menegaskan "langkah mengetat cara dan hal-hal peraturan" perlu dibuat dan rombongan-rombongan akan datang hendaklah memilih bagi menentukan pemimpin-pemimpin sektor perniagaan menjadi pemimpin dan pegawai kerajaan memainkan peranan kedua.

Kebanyakan peserta berkata kejayaan rombongan itu sebahagian besar ialah kerana cara pendekatan Datuk Seri Dr. Mahathir yang berterus terang.

Mereka berkata Datuk Seri Dr. Mahathir bertindak habis-habisan dalam perbincangannya dengan pelabur Amerika dan kadangkala bersikap tegas tetapi memberi gambaran pragmatik tentang kerajaan sewaktu memberi jaminan bahawa kerajaan akan melihat merit setiap kes dalam melaksanakan dasarnya.